

22/01/2003

Malaysia harap Iraq tidak diserang

Mior Kamarul Shahid

BEIRUT (Lubnan): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara yang pernah mengalami keruntuhan serta sengsara akibat perang saudara dan pencerobohan Israel, meletakkan harapan tinggi agar peperangan tidak berulang di Iraq.

Malah, Perdana Menteri menegaskan, beliau dan Malaysia sendiri berharap agar peperangan itu tidak berlaku.

"Saya berharap ia tidak akan terjadi. Saya tidak percaya peperangan boleh menyelesaikan apa-apa masalah," katanya pada sidang akhbar bersama rakan sejawatannya di sini, Rafic Hariri, semalam.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke Lubnan ditanya pandangannya berhubung ugutan serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq yang kini sampai ke tahap membimbangkan.

Beliau yang menyaksikan kesan perang saudara dan kesengsaraan rakyat Lubnan ketika melawat negara ini lima tahun lalu berkata, segala usaha perlu dilakukan bagi mengelak peperangan meletus di Teluk.

Perdana Menteri bagaimanapun gembira kerana Lubnan berjaya bangkit dan membina semula negara mereka.

"Ketika saya di sini lima tahun lalu, saya fikir negara ini sukar dipulihkan. Kini ia sudah pun dibangunkan dengan bangunan tinggi. Hari ini, Lubnan sudah pun membangunkan semula negaranya dan kembali kepada keadaan asal selepas musnah akibat peperangan," katanya.

Dr Mahathir meninjau pembangunan semula Lubnan dengan Malaysia memberi sumbangan RM1.145 bilion (AS\$300 juta) hasil Persidangan Paris II di Paris, November tahun lalu.

Terdahulu, Dr Mahathir dan Hariri mengadakan rundingan empat mata membincangkan soal hubungan dua hala serta perkembangan terbaru serantau dan antarabangsa.

Dr Mahathir berjanji Malaysia akan meningkatkan kerjasama dan interaksi dengan Lubnan untuk memajukan ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara. Ia juga akan dilakukan dengan penyertaan ahli perniagaan Malaysia.

Hariri yang menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin agung di negara Islam moderat, berkata Lubnan akan kehilangan seorang pemimpin dunia yang berani dan berwawasan apabila Dr Mahathir berundur daripada politik nanti.

"Dr Mahathir mencipta sejarah sebagai seorang pemimpin yang berjaya membangunkan Malaysia. Lubnan akan terus meningkatkan kerjasama ekonomi dengan Malaysia," katanya.